



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN
MINISTRY OF ENTREPRENEUR DEVELOPMENT



**SURUHANJAYA
KOPERASI**
Malaysia

INDEKS GERAKAN KOPERASI MALAYSIA 2018


[IGKM'18]





INDEKS GERAKAN KOPERASI MALAYSIA 2018

[IGKM'18]



© SuruhanJaya Koperasi Malaysia, 2019

Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) diperbadankan pada 1 Januari 2008 di bawah Akta 605. SKM ditubuhkan dengan visi utama, sebagai Peneraju Kecemerlangan Koperasi bagi menjadikannya Penyumbang Berkesan kepada Pembangunan Negara. Objektif penubuhan SKM adalah untuk merangsang pembangunan koperasi dan sektor koperasi yang kukuh dan teratur menurut nilai-nilai serta prinsip-prinsip koperasi bagi menyumbang ke arah pencapaian objektif sosio-ekonomi negara; Mengalakkan sektor koperasi yang kukuh kewangannya, progresif dan mampan; dan; Mengekalkan keyakinan dalam gerakan koperasi.

Data Pengkatalogan-Dalam-Penerbitan
Perpustakaan Negara Malaysia
ISSN 2682-888X

Diterbitkan oleh :

Suruhanjaya Koperasi Malaysia
Menara Suruhanjaya Koperasi Malaysia
Changkat Semantan, Off Jalan Semantan
Bukit Damansara
50490 Kuala Lumpur

Tel: 03-20834000

Faks: 03-20834100

E-Mel: webmaster@skm.gov.my



Dicetak oleh:

Maxcis Global Network Sdn. Bhd.
No. 3-2 Jalan Selasih K U12/K
Cahaya Alam, Seksyen U12
40170 Shah Alam, Selangor

Tel: 03-3362 4600

Faks: 03-3362 4601

E-Mel: maxcisglobal@gmail.com

KANDUNGAN

Ringkasan Eksekutif	7
Senarai Rajah	12
Senarai Jadual	13
Latar Belakang	15
Pengenalan	19
Pembangunan Indeks Gerakan Koperasi Malaysia 2018 (IGKM'18)	29
1. Metodologi dan Reka Bentuk Kajian	30
2. Domain Kesejahteraan IGKM	31
3. Kaedah Pembentukan Skor IGKM	34
Skor Keseluruhan IGKM'18	37
Skor IGKM'18 Mengikut Domain	39
1. Ekonomi Anggota	40
2. Pembangunan Kendiri	44
3. Keberkesanan Pengurusan	51
4. Kawal Selia dan Tadbir Urus	54
5. Hubungan Sosial	60
6. Penggunaan Teknologi	65
Rumusan	71
Annexure	73
Kronologi	105

KATA PENGANTAR

MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN

DATUK SERI MOHD REDZUAN YUSOF
MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
الْحَمْدُ لِلَّهِ عَلَىٰ مَا رَزَقَنَا اللَّهُ مِنَ الْعِلْمِ



Sekalung penghargaan dan tahniah diucapkan kepada pihak Suruhanjaya Koperasi Malaysia (Suruhanjaya Koperasi) serta semua pihak yang terlibat dalam pembangunan Indeks Gerakan Koperasi Malaysia 2018 (IGKM'18).

Kerajaan sentiasa komited dalam usaha mengukuhkan pembangunan sosio ekonomi masyarakat bagi memastikan ianya berada di landasan yang betul.

Kementerian Pembangunan Usahawan melalui Suruhanjaya Koperasi Malaysia dengan kerjasama Institut Koperasi Malaysia telah mengambil inisiatif dengan membangunkan IGKM'18 sebagai kayu pengukur dalam menguruskan pembangunan anggota koperasi daripada aspek kesejahteraan anggota koperasi itu sendiri. Ini amat penting bagi kerajaan mengenalpasti impak sesuatu program sosio ekonomi yang telah dilaksanakan.

DATUK SERI MOHD REDZUAN YUSOF
MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN

IGKM'18 merupakan satu indeks yang holistik dan inklusif bagi mengukur kesejahteraan anggota koperasi dalam berkoperasi. Indeks ini mengambil kira tiga aspek utama iaitu aspek ekonomi, sosial dan persekitaran. IGKM'18 ini juga merupakan indeks yang pertama diterbitkan di Asia Tenggara dan boleh dijadikan rujukan di peringkat global.

Petunjuk daripada Indeks ini digunakan sebagai input kepada kerajaan dalam merancang dan memeta hala tuju program sosio ekonomi rakyat melalui gerakan koperasi.

Saya berharap melalui inisiatif ini, perancangan program pembangunan gerakan koperasi dapat digubal secara berkesan dan seterusnya menjadikan gerakan koperasi sebagai nadi utama pembangunan sosio ekonomi rakyat Malaysia.

KATA ALU-ALUAN

KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN

DATUK WAN SURAYA WAN MOHD. RADZI

KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ



Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada Suruhanjaya Koperasi Malaysia atas kejayaan buat julung kalinya membangunkan Indeks Gerakan Koperasi Malaysia 2018 (IGKM'18).

Pembangunan Indeks ini adalah selaras dengan hasrat kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai negara keusahawanan unggul menjelang 2030 melalui Dasar Keusahawanan Nasional (DKN) 2030 yang telah dilancarkan pada 11 Julai 2019 melalui Teras Strategik 3: Merangsang Pembangunan Keusahawanan Bersepadu dan Holistik. Koperasi merupakan platform penting sebagai pemacu kepada pembangunan sosioekonomi yang inklusif

termasuk masyarakat yang berada dalam kumpulan B40 di bandar dan juga di luar bandar.

Melalui analisis respon yang diterima daripada IGKM'18 ini, Kementerian dapat menilai tahap ketersediaan anggota koperasi di Malaysia untuk menjadi usahawan sama ada daripada faktor pembangunan sendiri, keterlibatan mereka dengan entiti luar serta kesediaan mereka untuk menghadapi Revolusi Industri 4.0.

Justeru itu, saya berharap IGKM'18 ini akan menjadi pengukur tanda aras kesejahteraan anggota koperasi yang relevan dan berupaya menjadi sumber rujukan dan maklumat bersama.

DATUK WAN SURAYA WAN MOHD. RADZI

KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN

KATA ALU-ALUAN

PENGERUSI EKSEKUTIF SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA



DATUK NORDIN BIN SALLEH
PENGERUSI EKSEKUTIF
SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ



Alhamdulillah syukur ke hadrat Ilahi kerana Suruhanjaya Koperasi Malaysia (Suruhanjaya Koperasi) dengan kerjasama Institut Koperasi Malaysia (IKM) berjaya membangunkan Indeks Gerakan Koperasi Malaysia 2018 yang dikenali sebagai IGKM'18. Pembangunan IGKM'18 ini adalah kaedah yang praktikal untuk menilai kesejahteraan anggota koperasi di Malaysia.

Setelah hampir 100 tahun gerakan koperasi di Malaysia beroperasi, Suruhanjaya Koperasi telah mengambil inisiatif untuk mengukur tahap kesejahteraan anggota koperasi bagi memastikan sektor koperasi terus kekal relevan dalam persekitaran sosio ekonomi semasa. Adalah penting untuk Suruhanjaya Koperasi membangunkan indeks kesejahteraan gerakan koperasi dan dijadikan sebagai kayu pengukur tentang kesejahteraan anggota berkoperasi. Ini kerana hampir 20 peratus rakyat Malaysia adalah anggota koperasi.

Secara keseluruhannya, nilai skor IGKM'18 berada di tahap SEDERHANA dengan nilai skor 69.1. Nilai skor ini terhasil melalui enam (6) indikator yang telah dibangunkan iaitu Domain Ekonomi Anggota, Pembangunan Kendiri, Keberkesanan Pengurusan, Kawal Selia dan Tadbir Urus, Hubungan Sosial dan Penggunaan Teknologi.

Diharapkan agar hasil IGKM'18 ini menjadi input berfaedah kepada semua pihak berkepentingan dalam melakar polisi dan hala tuju gerakan koperasi yang bersesuaian dengan keperluan sosio ekonomi anggota gerakan koperasi di Malaysia. Saya mengambil kesempatan ini merakamkan jutaan penghargaan kepada barisan pakar rujuk IGKM'18 yang sama-sama menyumbang idea, tenaga dan masa dalam membangunkan IGKM'18.

DATUK NORDIN BIN SALLEH
PENGERUSI EKSEKUTIF
SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA

RINGKASAN EKSEKUTIF

INDEKS GERAKAN KOPERASI MALAYSIA 2018 (IGKM'18)

RINGKASAN EKSEKUTIF

Indeks Gerakan Koperasi Malaysia 2018 (IGKM'18)

Gerakan koperasi di Malaysia telah berkembang hampir sedekad di mana koperasi yang pertama ditubuhkan adalah pada tahun 1922. Pembangunan Indeks Gerakan Koperasi Malaysia 2018 (IGKM'18) merupakan salah satu inisiatif yang tepat dalam menilai kesejahteraan anggota koperasi di Malaysia setelah hampir sedekad beroperasi. Ia dibangunkan bagi memantau perkembangan kesejahteraan anggota koperasi dan akan bertindak sebagai penanda aras dalam mengukur sejauh mana pencapaian tahap kesejahteraan hidup anggota koperasi daripada nilai skor yang telah diperolehi.

Pembangunan IGKM'18 merupakan Indeks pertama yang diterbitkan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia (Suruhanjaya) dan akan dibangunkan lima (5) tahun sekali untuk memantau prestasi kesejahteraan anggota koperasi. Sehubungan itu, skor yang diperolehi akan menjadi penanda aras kepada pembangunan IGKM akan datang dari segi menilai peningkatan atau penurunan kesejahteraan anggota koperasi di Malaysia.

Pembangunan IGKM'18 ini telah merangkumi tiga (3) aspek utama pengukuran iaitu aspek ekonomi, sosial dan persekitaran. Enam (6) domain yang dikenalpasti ialah domain Ekonomi Anggota, Pembangunan Kendiri, Keberkesanan Pengurusan, Kawal Selia dan Tadbir Urus, Hubungan Sosial dan Penggunaan Teknologi serta melibatkan pembentukan empat belas (14) indikator. Seramai dua belas (12) pakar rujuk daripada pelbagai industri terlibat dengan proses pembentukan domain dan indikator IGKM'18.



Rajah 1: Pembentukan Domain IGKM'18 dengan Mengambil kira Aspek Sosial, Ekonomi dan Persekitaran



Pengukuran yang dibuat secara inklusif dari 3 aspek utama iaitu sosial, ekonomi dan persekitaran yang meliputi 6 domain IGKM'18

Pembentukan domain ini juga telah diselaraskan dengan lima (5) Teras Strategik yang terkandung dalam Dasar Koperasi Negara 2011-2020 (DKN 2011-2020). Perkara ini

bagi memastikan **IGKM'18** yang dibangunkan mengikut kesesuaian dan relevan dengan persekitaran semasa dan kehendak pemegang taruh.

Rajah 2: Hubungan Antara Teras Strategik DKN 2011-2020 dengan Pembentukan Domain IGKM'18



Kajian ini memberi tumpuan kepada anggota koperasi yang berdaftar sehingga tahun berakhir 31 Disember 2016 iaitu sekurang-kurangnya dua tahun menjadi anggota koperasi dan tidak memegang sebarang jawatan di koperasi. Ini bagi memastikan responden mempunyai ilmu berkoperasi dan tidak bias. Selain itu, koperasi yang dipilih di peringkat

pertama adalah koperasi berstatus aktif, kategori koperasi dewasa dan peringkat asas. Jumlah populasi bagi kajian ini adalah sebanyak 4,763,260 anggota dan jumlah sampel yang terlibat adalah 5,380 anggota. Kajian ini telah menggunakan borang soal selidik yang diisi melalui *Google Forms*.

Berikut merupakan domain dan indikator yang telah dibangunkan dalam **IGKM'18**, manakala definisi lanjut setiap domain dan indikator seperti di Bab 2 laporan.

Rajah 3: Domain Indeks Gerakan Koperasi Malaysia 2018 (IGKM'18)



Jadual 1: Domain dan Indikator IGKM'18

1 Domain Ekonomi Anggota
 1.1 Faedah Kewangan
 1.2 Pengurusan Ekonomi

2 Domain Pembangunan Kendiri
 2.1 Ilmu Berkoperasi
 2.2 Komitmen
 2.3 Kemahiran

3 Domain Keberkesanan Pengurusan
 3.1 Kompetensi Pengurusan
 3.2 Kualiti Pengurusan

4 Domain Kawal Selia & Tadbir Urus
 4.1 Keberkesanan Lembaga Koperasi
 4.2 Pengawasan Pengurusan
 4.3 Ketelusan Integriti

5 Domain Hubungan Sosial
 5.1 Rangkaian Sosial
 5.2 Kerjasama Dalam Aktiviti Koperasi


6 Domain Penggunaan Teknologi
 6.1 Penerimaan Teknologi
 6.2 Aplikasi

Bagi memperoleh nilai skor IGKM'18, kaedah skor berwajaran digunakan. Setiap domain telah ditetapkan wajaran oleh sepuluh (10) pakar rujuk dari pelbagai industri. Nilai wajaran bagi setiap domain IGKM'18 adalah seperti berikut:

Jadual 2: Wajaran Bagi Domain IGKM'18

Bil.	Domain	Wajaran Ditetapkan
1.	Ekonomi Anggota	28%
2.	Pembangunan Kendiri	20%
3.	Keberkesanan Pengurusan	18%
4.	Kawal Selia dan Tadbir Urus	12%
5.	Hubungan Sosial	12%
6.	Penggunaan Teknologi	10%
Keseluruhan		100%

Skor IGKM'18 dibangunkan dengan menggunakan skor 100 sebagai asas pengiraan skor maksimum, manakala 0 adalah nilai skor minimum. Ini bermakna, semakin tinggi nilai skor IGKM'18, maka lebih baik kesejahteraan hidup anggota koperasi dan begitu jua sebaliknya. Skala di bawah digunakan bagi memudahkan pemahaman mengenai kesejahteraan anggota koperasi di Malaysia.



IGKM'18 secara keseluruhan adalah pada tahap SEDERHANA iaitu dengan skor 69.1. Tiga domain yang berada pada tahap MEMUASKAN iaitu domain Kawal Selia dan Tadbir Urus (skor 72.9), Hubungan Sosial (skor 72.6) dan Keberkesanan Pengurusan (skor 71.5). Manakala tiga domain lagi berada pada tahap SEDERHANA iaitu domain Penggunaan Teknologi (skor 68.5), domain Pembangunan Kendiri (skor 68.0) dan domain Ekonomi Anggota (skor 65.4). IGKM'18 sebagai penanda aras dalam menilai dan memantau kesejahteraan anggota berkoperasi. Ini kerana sebanyak 18.67 peratus rakyat Malaysia adalah anggota koperasi yang majoritinya dalam kalangan B40. Latihan kepada anggota koperasi berdasarkan lokality perlu diperhalusi khusus berkaitan dengan ilmu berkoperasi agar memenuhi keperluan semasa. Pemegang taruh perlu memperincikan kompetensi pihak pengurusan dan Lembaga Koperasi dalam memastikan persepsi anggota koperasi terhadap kawal selia dan tadbir urus koperasi dapat ditingkatkan. Cabaran utama dalam gerakan koperasi adalah menyediakan peluang dan faedah ekonomi kepada anggota, memperluaskan program pendidikan dan menggunakan teknologi yang terkini dalam operasi koperasi. Kerajaan perlu memperkukuhkan kawal selia dan tadbir urus koperasi, pengurusan koperasi dan jaringan sosial bagi memastikan gerakan koperasi dapat berdaya saing dan seterusnya meningkatkan kesejahteraan anggota. Suruhanjaya Koperasi Malaysia mencadangkan agar diwujudkan pelan tindakan yang inklusif dan strategik dengan melibatkan kerjasama semua pemegang taruh dalam gerakan koperasi. Pelan tindakan ini adalah berdasarkan input daripada IGKM'18 ini.

“Cabaran utama Dalam gerakan koperasi adalah menyediakan peluang dan faedah ekonomi kepada anggota, memperluaskan program pendidikan dan menggunakan teknologi yang terkini dalam operasi koperasi.”

SENARAI RAJAH

Rajah 1: Pembentukan Domain IGKM'18 dengan Mengambil Aspek Sosial, Ekonomi dan Persekitaran	8
Rajah 2: Hubungan Antara Teras Strategik DKN 2011-2020 dengan Pembentukan Domain IGKM'18	9
Rajah 3: Domain Indeks Gerakan Koperasi Malaysia 2018 (IGKM'18)	10
Rajah 4: Hubungan Antara Teras Strategik DKN 2011-2020 dengan Pembentukan Domain IGKM'18	21
Rajah 5: Domain dan Indikator IGKM'18	31
Rajah 6: Skor Domain Ekonomi Anggota	40
Rajah 7: Skor Domain Ekonomi Anggota Berdasarkan Lokality	41
Rajah 8: Skor Domain Ekonomi Anggota Berdasarkan Tempoh Menjadi Anggota	41
Rajah 9: Skor Domain Ekonomi Anggota Berdasarkan Status Pekerjaan	43
Rajah 10: Skor Domain Pembangunan Kendiri	44
Rajah 11: Skor Domain Pembangunan Kendiri Berdasarkan Lokality	45
Rajah 12: Skor Domain Pembangunan Kendiri Berdasarkan Umur	46
Rajah 13: Skor Domain Pembangunan Kendiri Berdasarkan Status Pekerjaan	47
Rajah 14: Skor Domain Pembangunan Kendiri Berdasarkan Tempoh Menjadi Anggota	48
Rajah 15: Skor Domain Pembangunan Kendiri Berdasarkan Tahap Pendidikan	49
Rajah 16: Skor Domain Keberkesanan Pengurusan	51
Rajah 17: Skor Domain Keberkesanan Pengurusan Berdasarkan Tempoh Menjadi Anggota	52
Rajah 18: Skor Domain Keberkesanan Pengurusan Berdasarkan Status Pekerjaan	53
Rajah 19: Skor Domain Kawal Selia dan Tadbir Urus	54
Rajah 20: Skor Domain Kawal Selia dan Tadbir Urus Berdasarkan Lokality	55
Rajah 21: Skor Domain Kawal Selia dan Tadbir Urus Berdasarkan Bilangan Koperasi Dianggotai	56
Rajah 22: Skor Domain Kawal Selia dan Tadbir Urus Berdasarkan Umur	57
Rajah 23: Skor Domain Kawal Selia dan Tadbir Urus Berdasarkan Status Pekerjaan	58
Rajah 24: Skor Domain Hubungan Sosial	60
Rajah 25: Skor Domain Hubungan Sosial Anggota Berdasarkan Lokality	61
Rajah 26: Skor Domain Hubungan Sosial Berdasarkan Umur	62
Rajah 27: Skor Domain Hubungan Sosial Berdasarkan Status Pekerjaan	63
Rajah 28: Skor Domain Penggunaan Teknologi	65
Rajah 29: Skor Domain Penggunaan Teknologi Berdasarkan Lokality	66
Rajah 30: Skor Domain Penggunaan Teknologi Berdasarkan Umur	66
Rajah 31: Skor Domain Penggunaan Teknologi Berdasarkan Tahap Pendidikan	67
Rajah 32: Skor Domain dan Indikator Penggunaan Teknologi Berdasarkan Tempoh Menjadi Anggota	69

SENARAI JADUAL

Jadual 1: Domain dan Indikator IGKM'18	10
Jadual 2: Wajaran Bagi Domain IGKM'18	11
Jadual 3: Nilai Kebolehpercayaan Kajian Rintis	30
Jadual 4: Skala Tahap Kepuasan Anggota Koperasi	35
Jadual 5: Indeks Gerakan Koperasi Malaysia 2018 (IGKM'18)	38
Jadual 6: Skor IGKM'18 Mengikut Domain dan Indikator	38
Jadual 7: Skor Domain Ekonomi Anggota	40
Jadual 8: Skor Domain dan Indikator Ekonomi Anggota Berdasarkan Lokality	40
Jadual 9: Skor Domain Ekonomi Anggota Berdasarkan Tempoh Menjadi Anggota	41
Jadual 10: Skor Domain Ekonomi Anggota Mengikut Negeri	42
Jadual 11: Skor Domain Ekonomi Anggota Berdasarkan Status Pekerjaan	42
Jadual 12: Skor Domain Pembangunan Kendiri	44
Jadual 13: Skor Domain Pembangunan Kendiri Berdasarkan Lokality	44
Jadual 14: Skor Domain Pembangunan Kendiri Berdasarkan Umur	45
Jadual 15: Skor Domain Pembangunan Kendiri Berdasarkan Status Pekerjaan	47
Jadual 16: Skor Domain Pembangunan Kendiri Berdasarkan Tempoh Menjadi Anggota	48
Jadual 17: Skor Domain Pembangunan Kendiri Berdasarkan Tahap Pendidikan	49
Jadual 18: Skor Domain Keberkesanan Pengurusan	51
Jadual 19: Skor Domain Keberkesanan Pengurusan Berdasarkan Tempoh Menjadi Anggota	52
Jadual 20: Skor Domain Keberkesanan Pengurusan Berdasarkan Status Pekerjaan	53
Jadual 21: Skor Domain Kawal Selia dan Tadbir Urus	54
Jadual 22: Skor Domain Kawal Selia dan Tadbir Urus Berdasarkan Lokality	54
Jadual 23: Skor Domain Kawal Selia dan Tadbir Urus Berdasarkan Bilangan Koperasi Dianggotai	55
Jadual 24: Skor Domain Kawal Selia Dan Tadbir Urus Berdasarkan Umur	57
Jadual 25: Skor Domain Kawal Selia Dan Tadbir Urus Berdasarkan Status Pekerjaan	58
Jadual 26: Skor Domain Hubungan Sosial	60
Jadual 27: Skor Domain Hubungan Sosial Berdasarkan Lokality	60
Jadual 28: Skor Domain Hubungan Sosial Berdasarkan Umur	61
Jadual 29: Skor Domain Hubungan Sosial Berdasarkan Status Pekerjaan	63
Jadual 30: Skor Domain Penggunaan Teknologi	65
Jadual 31: Skor Domain Penggunaan Teknologi Berdasarkan Lokality	65
Jadual 32: Skor Domain Penggunaan Teknologi Berdasarkan Umur	66
Jadual 33: Skor Domain Penggunaan Teknologi Berdasarkan Tahap Pendidikan	67
Jadual 34: Skor Domain Penggunaan Teknologi Berdasarkan Tempoh Menjadi Anggota	68

LATAR BELAKANG

INDEKS GERAKAN KOPERASI MALAYSIA 2018 (IGKM'18)

LATAR BELAKANG

Senario Gerakan Koperasi di Malaysia

Ekonomi Malaysia terus berkembang dengan kadar yang sederhana iaitu 4.7 peratus pada tahun 2018 (2017:5.9%). Senario yang sama juga berlaku dalam persekitaran ekonomi gerakan koperasi di Malaysia. Perolehan gerakan koperasi pada tahun 2018 ialah RM40.318 billion, peningkatan sebanyak 0.19 peratus berbanding tahun sebelum (2017: RM40.241 billion). Pada tahun 2018 terdapat sebanyak 14,247 koperasi berbanding 13,899 koperasi tahun sebelumnya yakni peningkatan sebanyak 2.50 peratus. Penduduk Malaysia pada 2018 adalah seramai 32.4 juta orang dan sebanyak 18.67 peratus daripadanya merupakan anggota koperasi. Jumlah anggota yang dicatatkan pada tahun 2018 adalah seramai 6.04 juta.



Anggota merupakan aset penting dalam menggerak dan memajukan sesebuah koperasi. Maka adalah penting pihak pemegang taruh mengetahui tahap kesejahteraan dan persepsi anggota terhadap koperasi masing-masing. Pengukuran kesejahteraan anggota dalam koperasi belum pernah diterokai sebelum ini. Umum mengetahui bahawa kesejahteraan merupakan sesuatu yang subjektif untuk diukur dengan skala, justeru itu perlunya Indeks Gerakan Koperasi Malaysia (IGKM) dibangunkan sebagai satu mekanisme untuk mengukur tahap kesejahteraan anggota dan kelestarian koperasi di negara ini.

Walaupun tiada definisi khusus bagi menterjemahkan tahap kesejahteraan, istilah ini secara umumnya dikaitkan dengan taraf dan kualiti hidup yang merangkumi aspek ekonomi, sosial, fizikal dan psikologi yang memberikan manfaat kepada gerakan koperasi khususnya. Adalah penting bagi memastikan anggota koperasi berasa sejahtera dalam konteks ekonomi, sosial dan lain-lain bagi menjamin kelestarian gerakan koperasi di Malaysia.

Cabaran Gerakan Koperasi di Malaysia

Gerakan koperasi di Malaysia terus kekal relevan dalam pembangunan negara yang mencabar. Dalam menghadapi pelbagai cabaran masa kini memerlukan anggota koperasi di Malaysia lebih berstrategi dalam menguruskan perniagaan. Tidak mahu lagi dianggap sebagai entiti yang hanya menjalankan perniagaan secara tradisional, gerakan koperasi di Malaysia kini telah mengorak langkah untuk menerokai bidang-bidang perniagaan yang lebih menguntungkan dan memberi impak positif khususnya terhadap ekonomi anggota dan amnya terhadap pembangunan negara.

Di samping petunjuk perangkaan perniagaan, petunjuk kesejahteraan juga perlu diukur sebagai satu tanda aras bahawa prinsip koperasi yang menekankan pembangunan sosio dan ekonomi anggota benar-benar dilaksana dan mencapai objektif. Umumnya, mereka yang terlibat dengan gerakan koperasi merupakan golongan B40 dan

keanggotaannya lebih bersifat setempat. Justeru itu, peluang ekonomi yang lebih inklusif diperlukan bagi membantu golongan ini meningkatkan taraf hidup. Dalam pendekatan pembangunan ekonomi yang inklusif dan mengutamakan kesejahteraan rakyat, konsep koperasi dilihat sebagai opsyen terbaik yang mampu menangani isu pembahagian ekonomi dalam negara yang tidak seimbang. Konsep berkongsi kekayaan secara berkoperasi sesuai untuk diaplikasikan dalam usaha pembangunan usahawan dan mewujudkan pekerjaan untuk golongan B40 (Rangka Kerja Keusahawanan Negara, 2018).

Pengurusan koperasi sama ada Lembaga Koperasi atau kakitangan perlulah dari kalangan mereka yang kompeten dan komited. Anggota koperasi juga perlu mempersiapkan diri dengan meningkatkan ilmu koperasi, kemahiran dan komitmen pada tahap yang sewajarnya bagi sama-sama dapat memajukan koperasi secara kolektif. Teknologi digital sedang membentuk semula lanskap industri dan organisasi, dengan itu, gerakan koperasi perlu seiring menggunakan teknologi bagi memajukan perniagaan mereka. Kombinasi tersebut merupakan penggerak utama sosio ekonomi dan perniagaan koperasi.

“Anggota koperasi juga perlu mempersiapkan diri dengan meningkatkan ilmu koperasi, kemahiran dan komitmen pada tahap yang sewajarnya guna bagi sama-sama dapat memajukan koperasi secara kolektif.”

PENGENALAN

INDEKS GERAKAN KOPERASI MALAYSIA 2018 (IGKM'18)

PENGENALAN

Indeks Gerakan Koperasi Malaysia 2018 (IGKM'18)

Indeks Gerakan Koperasi Malaysia 2018 (IGKM'18) dibangunkan bagi mengukur tahap kesejahteraan anggota koperasi yang terhasil daripada pelaksanaan dasar pembangunan semasa. Input kajian ini selayaknya dijadikan sebagai panduan membuat penambahbaikan di masa hadapan. Pengukuran dilakukan berdasarkan kepada faktor kewangan dan bukan kewangan seperti ekonomi, sosial, modal insan, pengurusan, kawal selia dan penggunaan teknologi. Kesejahteraan yang dimaksudkan merujuk kepada kepuasan anggota berkoperasi.

Objektif umum pembangunan IGKM'18 adalah untuk menilai tahap kesejahteraan anggota dalam suatu tempoh tertentu. Manakala objektif khusus pembangunan IGKM'18 adalah seperti berikut:-



Pembangunan IGKM'18 ini penting kepada tiga (3) komposisi yang utama iaitu kepada anggota, koperasi dan pihak pemegang taruh. IGKM'18 ini dapat mengukur kesejahteraan mereka berkoperasi bagi anggota dan menjadi input kepada koperasi tentang prestasi serta pencapaian objektif penubuhannya. Manakala bagi pemegang taruh seperti Kementerian Pembangunan Usahawan (MED), Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) dan Institut Koperasi Malaysia (IKM), ianya dapat memberi panduan dalam merangka dasar yang dinamik untuk gerakan koperasi.

Pengukuran IGKM'18 dibuat secara inklusif meliputi tiga (3) aspek utama iaitu sosial, ekonomi dan persekitaran.

Bagi aspek sosial, domain yang dikenalpasti adalah Pembangunan Kendiri, Keberkesanan Pengurusan dan Hubungan Sosial. Manakala aspek ekonomi pula merujuk kepada pembangunan domain Ekonomi Anggota. Aspek ketiga iaitu persekitaran mengambil kira domain Kawal Selia dan Tadbir Urus serta Penggunaan Teknologi.

Pembentukan domain ini juga telah diselaraskan dengan lima (5) Teras Strategik yang terkandung dalam Dasar Koperasi Negara 2011-2020 (DKN 2011-2020). Perkara ini bagi memastikan IGKM'18 yang dibangunkan mengikut kesesuaian dan relevan dengan persekitaran semasa dan kehendak pemegang taruh.

Rajah 4: Hubungan Antara Teras Strategik DKN 2011-2020 dengan Pembentukan Domain IGKM'18




Analisis Deskriptif Responden

Maklumbalas yang diterima daripada anggota koperasi adalah positif (97.7% daripada jumlah keseluruhan sampel). Profil responden bagi kajian ini mengikut kategori jantina, kawasan, bangsa, agama, umur, status

perkahwinan, tahap pendidikan tertinggi, status pekerjaan sekarang, jumlah pendapatan bulanan, jumlah faedah kewangan yang diterima daripada koperasi pada tahun 2018, komposisi mengikut negeri dan bilangan koperasi di anggotai adalah seperti berikut:


1. Jantina




2. Kawasan




3. Bangsa




4. Agama




5. Umur



6. Status Perkahwinan




7. Bilangan Koperasi Yang Sedang Dianggotai




8. Pendidikan Tertinggi




9. Status Pekerjaan



10. Jumlah Pendapatan Bulanan



11. Jumlah Faedah Kewangan yang Diterima Daripada Koperasi (2018)



12. Tempoh Menjadi Anggota



13. Negeri



Ibu Pejabat




Johor




Kedah



Kelantan




Melaka



Negeri Sembilan




Pahang




Perak




Perlis



Pulau Pinang




Sabah



Sarawak



Selangor



Terengganu



Wilayah Persekutuan

Negeri	Jumlah Responden
Ibu Pejabat	770
Johor	207
Kedah	165
Kelantan	213
Melaka	111
Negeri Sembilan	110
Pahang	191
Perak	267
Perlis	37
Pulau Pinang	85
Sabah	164
Sarawak	111
Selangor	287
Terengganu	143
Wilayah Persekutuan	2,094
Jumlah	4,955

**PEMBANGUNAN INDEKS
GERAKAN KOPERASI
MALAYSIA 2018 (IGKM'18)**

METODOLOGI DAN REKA BENTUK KAJIAN

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini bertujuan melaporkan kedudukan kesejahteraan anggota koperasi di Malaysia. Pelaksanaan kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif iaitu melalui pengedaran soal selidik. Indeks Gerakan Koperasi Malaysia 2018 (IGKM'18) ini adalah yang pertama kali dilaksanakan.

Rangka Persampelan

Populasi bagi kajian ini adalah terdiri daripada anggota koperasi yang berdaftar sehingga tahun berakhir 31 Disember 2016 iaitu sekurang-kurangnya dua tahun menjadi anggota koperasi dan tidak memegang sebarang jawatan di koperasi. Selain itu, koperasi yang termasuk dalam data tersebut juga adalah koperasi berstatus aktif, kategori koperasi dewasa dan peringkat asas. Sehubungan itu, jumlah populasi adalah sebanyak 4,763,260 anggota sahaja.

Teknik persampelan yang digunakan adalah persampelan berperingkat. Peringkat pertama pemilihan koperasi adalah secara rawak berstrata (negeri dan kluster) dan sistematik. Seterusnya, peringkat kedua pemilihan anggota menggunakan teknik persampelan bertujuan di mana setiap koperasi memilih anggota yang memenuhi kriteria tafsiran populasi.

Mengikut saranan Krejcie dan Morgan (1970), jumlah minimum sampel yang diperlukan hanyalah 384 anggota koperasi berdasarkan populasi anggota koperasi. Namun, bilangan sampel ditambah kepada 5,380 bagi mewakili populasi anggota koperasi seramai 4,763,260. Jumlah tersebut diperoleh hasil daripada mendarabkan 384 dengan 14 buah cawangan/negeri.

Jumlah responden yang telah memberi maklumbalas soal selidik yang diedarkan melalui *Google Forms* adalah sebanyak 5,074. Setelah proses pembersihan data dilakukan, 4,955 soal selidik diterima pakai bagi tujuan analisis.

Instrumen

Kajian ini menggunakan instrumen soal selidik yang terdiri daripada 6 domain, 14 indikator dan 83 item. Domain ini dibangunkan daripada rujukan literatur dan input daripada pakar rujuk. Domain yang terlibat adalah Ekonomi Anggota,



Keberkesanan Pengurusan, Pembangunan Kendiri, Kawal Selia dan Tadbir Urus, Penggunaan Teknologi, dan Hubungan Sosial. Kajian rintis yang melibatkan 100 responden mengesahkan domain dan item yang digunakan adalah sah dan boleh dipercayai. Daripada dapatan kajian rintis, perubahan kedudukan item dalam indikator dan domain yang sama dilaksanakan bagi tujuan penambahbaikan instrumen. Berikut merupakan keputusan bagi ujian kebolehpercayaan instrumen berdasarkan nilai *Cronbach's Alpha*:

Jadual 3: Nilai Kebolehpercayaan Kajian Rintis

Bil.	Domain	Jumlah Item	Nilai Kepercayaan (Cronbach's Alpha)
1.	Ekonomi Anggota	10	0.936
2.	Pembangunan Kendiri	19	0.947
3.	Keberkesanan Pengurusan	14	0.966
4.	Kawal Selia dan Tadbir Urus	19	0.970
5.	Hubungan Sosial	12	0.931
6.	Penggunaan Teknologi	2	0.934
Keseluruhan		83	0.984

Pengumpulan Data


Responden dikenal pasti oleh koperasi berdasarkan kriteria yang telah ditetapkan. Penerangan soal selidik kepada responden dijalankan oleh 157 enumerator yang terdiri

daripada pegawai penyelia Suruhanjaya Koperasi Malaysia melibatkan 14 buah negeri. Kaedah pengumpulan data dijalankan secara tinjauan atas talian menggunakan *Google Forms* dalam tempoh dua bulan mulai November hingga Disember 2018.

DOMAIN KESEJAHTERAAN INDEKS GERAKAN KOPERASI MALAYSIA (IGKM)

Indeks Gerakan Koperasi Malaysia 2018 mengandungi 6 domain dan 14 indikator yang menjadi asas untuk mengukur kesejahteraan anggota koperasi di Malaysia. Berikut adalah domain dan indikator yang dibangunkan.

Rajah 5: Domain dan Indikator IGKM'18



DOMAIN EKONOMI ANGGOTA

Domain ini merujuk kepada kedudukan ekonomi anggota koperasi dari segi faedah kewangan dan pengurusan

ekonomi yang diperoleh hasil daripada berkoperasi bagi membentuk nilai yang kolektif. Nilai kolektif inilah yang akan menyumbang kepada kesejahteraan anggota koperasi. Domain ini mengandungi dua (2) indikator iaitu:-



FAEDAH KEWANGAN

Faedah Kewangan merangkumi manfaat kewangan yang diperoleh daripada koperasi seperti dividen, peluang latihan dan pendidikan, bantuan kebajikan yang diberikan oleh koperasi kepada anggota.



PENGURUSAN EKONOMI

Pengurusan Ekonomi merujuk kepada keupayaan meningkatkan pendapatan anggota melalui aktiviti ekonomi koperasi, pengurusan kewangan anggota serta peluang pekerjaan dan keusahawanan.

DOMAIN PEMBANGUNAN KENDIRI

Pembangunan sendiri merujuk kepada peningkatan dalam diri seseorang anggota secara optima dalam konteks

ilmu berkoperasi, kemahiran dan komitmen dalam penglibatannya sebagai anggota koperasi. Pengukuran domain ini meliputi tiga (3) indikator iaitu:-



ILMU BERKOPERASI

Segala pengetahuan atau ilmu yang telah dipelajari berkaitan ilmu berkoperasi.



KOMITMEN

Keterlibatan dan komitmen anggota terhadap aktiviti koperasi.



KEMAHIRAN

Kebolehan anggota dalam menjalankan peranan dan tanggungjawabnya terhadap koperasi

DOMAIN KEBERKESANAN PENGURUSAN

Keberkesanan pengurusan koperasi yang diberikan oleh koperasi kepada anggota merangkumi proses

perancangan, koordinasi, pengarahan, dan pengawalan semua sumber koperasi secara cekap dan berkesan bagi mencapai matlamat dan penciptaan nilai secara kolektif. Ia merangkumi dua (2) indikator pengukuran iaitu:-



KOMPETENSI PENGURUSAN

Merangkumi aspek kemahiran, pengetahuan serta pengalaman pihak pengurusan dan pentadbiran koperasi dalam memastikan matlamat koperasi dan anggota dapat dicapai.



KUALITI PENGURUSAN

Menekankan kepada elemen pengurusan yang berkualiti dalam pengurusan sumber manusia, sistem maklumat berkualiti serta penambahbaikan berterusan dengan mengambil kira elemen kepercayaan.

DOMAIN KAWAL SELIA DAN TADBIR URUS

Merujuk kepada proses berstruktur yang dilaksanakan oleh koperasi untuk mengarah dan mengurus perniagaan serta hal ehwal koperasi bertujuan meningkatkan keuntungan

dan kebertanggungjawaban undang-undang. Ini adalah bagi mencapai nilai jangka panjang pemegang saham koperasi tanpa mengeneppikan kepentingan pihak lain. Ia merangkumi tiga (3) indikator seperti berikut:-




KEBERKESANAN LEMBAGA KOPERASI

Lembaga koperasi yang berjaya meningkatkan prestasi koperasi dan menjaga kepentingan anggota dengan mengambil kira aspek perundangan.



PENGAWASAN PENGURUSAN

Peranan yang dimainkan oleh lembaga koperasi dalam menasihati, memantau dan menilai prestasi pengurusan.



KETELUSAN DAN INTEGRITI

Penzahiran yang komprehensif supaya anggota dan pihak berkepentingan mempunyai pemahaman yang jelas mengenai maklumat kewangan dan pengurusan koperasi serta melihat kepada kemampuan koperasi mematuhi perundangan, pengauditan, menetapkan dasar dan polisi perniagaan koperasi bagi menjaga kepentingan anggota.

DOMAIN HUBUNGAN SOSIAL

Ciri-ciri hubungan yang dibentuk oleh anggota koperasi dengan pihak dalaman dan luaran bagi tujuan meningkatkan

keberkesanan hubungan jaringan yang dibentuk agar penciptaan nilai secara kolektif dapat dicapai. Terdapat dua (2) indikator yang menerangkan domain ini iaitu:-



RANGKAIAN SOSIAL

Keharmonian hubungan dan komunikasi antara sesama anggota, anggota dengan pengurusan koperasi dan pihak luar.



KERJASAMA DALAM AKTIVITI KOPERASI

Penglibatan secara kolektif atas rasa tanggungjawab sebagai anggota dalam aktiviti berkaitan koperasi. Ia bagi mencapai objektif sosial ekonomi dan konsep kerjasama oleh anggota dalam ekonomi koperasi yang selaras dengan prinsip ketiga koperasi (DKN 2011-2020).

DOMAIN PENGGUNAAN TEKNOLOGI

Merujuk kepada persepsi terhadap teknologi dan sistem maklumat dari aspek kemudahan dan manfaat kepada

anggota dan koperasi. Ia merangkumi dua (2) indikator yang telah dikenalpasti berdasarkan Model Penerimaan Teknologi seperti berikut:-



PENERIMAAN TEKNOLOGI

Penerimaan anggota koperasi terhadap teknologi yang boleh meningkatkan prestasi koperasi dan seterusnya dapat memberi manfaat kepada anggota.



APLIKASI

Penggunaan teknologi dalam pengurusan dan aktiviti koperasi yang dapat memberi manfaat kepada anggota.

KAEDAH ANALISIS DAN PEMBENTUKAN SKOR INDEKS GERAKAN KOPERASI MALAYSIA 2018 (IGKM'18)

Analisis data dijalankan menggunakan kaedah analisis deskriptif. Sebelum skor indeks dibentuk, penetapan wajaran oleh 10 orang pakar rujuk dalam industri dilakukan. Setiap pakar rujuk diberikan jumlah skor 100 untuk dibahagikan kepada enam (6) domain mengikut keutamaan pada penilaian pakar rujuk masing-masing. Skor setiap domain oleh pakar rujuk dijumlahkan bagi membentuk wajaran domain. Berikut adalah formula bagi pengiraan wajaran domain.

$$Wajaran_{domain,d} = \frac{\sum Skor_{domain,d}}{Jumlah\ skor \times n_{pakar\ rujuk}} \times 100$$

$$d = 1,2,\dots, n_{domain}$$

Di mana :

$n = \text{bilangan}$

Contoh penetapan wajaran bagi domain ekonomi anggota dikira seperti berikut:

$$Wajaran_{ekonomi\ anggota} = \frac{30 + 30 + 20 + 30 + 30 + 25 + 30 + 30 + 25 + 30}{100 \times 10} \times 100$$

$$= \frac{280}{1000} \times 100$$

$$= 28\%$$

Indeks ini dibentuk menggunakan skor 100 sebagai asas pengiraan skor maksimum. Semakin tinggi skor IGKM, maka semakin baik kesejahteraan anggota koperasi di

Malaysia. Purata skor bagi semua 6 domain dan 14 indikator yang merangkumi 83 item dan wajaran dikira berdasarkan formula dibawah:

$$Skor\ Indikator : \bar{X}_{indikator} = \frac{\sum_{k=1} \left[\frac{M_k - M_k^s}{R} \right]}{n_{item}} \times 100$$

$$k = 1,2, \dots, n_{item}$$

$$Skor\ Domain : \bar{X}_{domain} = \frac{\sum_{i=1} \bar{X}_{indikator,i}}{n_{indikator}}$$

$$i = 1,2, \dots, n_{indikator}$$

$$Skor\ Indeks : \bar{X}_{indeks} = \frac{\sum_{d=1} \bar{X}_{domain,d}}{n_{domain}} \times \text{wajaran domain}$$

$$d = 1,2, \dots, n_{domain}$$

Di mana:-

$M_k = \text{Min skor}$







$M_k^s = \text{nilai minimum skala}$

$R = \text{nilai maksimum skala} - \text{nilai minimum skala}$

$n = \text{bilangan}$

Bagi memudahkan pemahaman dalam aspek penilaian kesejahteraan anggota skala berikut telah digunakan.

Jadual 4: Skala Tahap Kepuasan Anggota Koperasi

TAHAP	SKALA	SIMBOL
Sangat Tidak Memuaskan	0 - 39	
Tidak Memuaskan	40 - 49	
Kurang Memuaskan	50 - 59	
Sederhana	60 - 69	
Memuaskan	70 - 79	
Sangat Memuaskan	80 - 100	

SKOR KESELURUHAN

INDEKS GERAKAN KOPERASI MALAYSIA 2018 (IGKM'18)

SKOR KESELURUHAN INDEKS GERAKAN KOPERASI MALAYSIA 2018 (IGKM'18)

Secara keseluruhannya, IGKM'18 adalah pada tahap SEDERHANA iaitu 69.1. Pengiraan skor indeks keseluruhan ini dikira berdasarkan purata jumlah skor berwajaran bagi 6 domain IGKM'18 seperti mana jadual di bawah. Tiga domain yang berada pada tahap MEMUASKAN iaitu domain Kawal Selia dan Tadbir Urus (skor 72.9), Hubungan Sosial (skor 72.6) dan Keberkesanan Pengurusan (skor 71.5). Manakala tiga domain lagi berada pada tahap SEDERHANA iaitu domain Penggunaan Teknologi (skor 68.5), domain Pembangunan Kendiri (skor 68.0) dan domain Ekonomi Anggota (skor 65.4).

Jadual 5: Indeks Gerakan Koperasi Malaysia 2018 (IGKM'18)

Bil.	Domain	Nilai Skor	Tahap	Wajaran Ditetapkan (%)	Purata Skor Domain Berwajaran
1.	Ekonomi Anggota	65.4		28%	18.3
2.	Pembangunan Kendiri	68.0		20%	13.6
3.	Keberkesanan Pengurusan	71.5		18%	12.9
4.	Kawal Selia dan Tadbir Urus	72.9		12%	8.8
5.	Hubungan Sosial	72.6		12%	8.7
6.	Penggunaan Teknologi	68.5		10%	6.9
Keseluruhan					69.1

Jadual 6: Skor IGKM'18 Mengikut Domain dan Indikator

Bil.	DOMAIN / INDIKATOR KESELURUHAN	SKOR	TAHAP
KESELURUHAN SKOR IGKM'18 BERWAJARAN		69.1	
1.	Domain Ekonomi Anggota	65.4	
	Faedah Kewangan	67.8	
	Pengurusan Ekonomi	63.0	
2.	Domain Pembangunan Kendiri	68.0	
	Ilmu Berkoperasi	68.8	
	Komitmen	68.4	
	Kemahiran	66.8	
3.	Domain Keberkesanan Pengurusan	71.5	
	Kompetensi Pengurusan	71.6	
	Kualiti Pengurusan	71.4	
4.	Domain Kawal Selia & Tadbir Urus	72.9	
	Keberkesanan Lembaga Koperasi	73.0	
	Pengawasan Pengurusan	72.4	
	Ketelusan Integriti	73.4	
5.	Domain Hubungan Sosial	72.6	
	Rangkaian Sosial	71.8	
	Kerjasama Dalam Aktiviti Koperasi	73.4	
6.	Domain Penggunaan Teknologi	68.5	
	Penerimaan Teknologi	69.2	
	Aplikasi	67.8	

SKOR IGKM'18 MENGIKUT DOMAIN

INDEKS GERAKAN KOPERASI MALAYSIA 2018 (IGKM'18)

DOMAIN EKONOMI ANGGOTA


Analisis Keseluruhan

Secara keseluruhannya, domain Ekonomi Anggota berada pada tahap SEDERHANA dengan catatan nilai skor sebanyak 65.4. Nilai skor domain ini disumbangkan oleh dua (2) indikator iaitu Faedah Kewangan dan Pengurusan Ekonomi. Berdasarkan jadual di bawah, skor indikator Faedah Kewangan adalah lebih tinggi iaitu 67.8 berbanding skor Pengurusan Ekonomi sebanyak 63.0 dan kedua-dua indikator ini berada di tahap SEDERHANA.

Jadual 7: Skor Domain Ekonomi Anggota

INDIKATOR / DOMAIN	SKOR	TAHAP
Faedah Kewangan	67.8	👤👤👤👤
Pengurusan Ekonomi	63.0	👤👤👤👤
Ekonomi Anggota	65.4	👤👤👤👤

Rajah 6: Skor Domain Ekonomi Anggota



Analisis Skor Domain Ekonomi Anggota Berdasarkan Lokaliti


Analisis skor domain ekonomi anggota berdasarkan lokaliti mendapati skor luar bandar adalah lebih tinggi berbanding

skor bandar iaitu masing-masing mencatatkan skor 67.3 dan 64.8. Dapatan ini menggambarkan bahawa anggota koperasi di luar bandar lebih berpuas hati dengan manfaat ekonomi yang ditawarkan oleh koperasi.

Jadual 8: Skor Domain dan Indikator Ekonomi Anggota Berdasarkan Lokaliti

LOKALITI	BANDAR		LUAR BANDAR	
	SKOR	TAHAP	SKOR	TAHAP
Faedah Kewangan	67.2	👤👤👤👤	69.8	👤👤👤👤
Pengurusan Ekonomi	62.4	👤👤👤👤	64.8	👤👤👤👤
Ekonomi Anggota	64.8	👤👤👤👤	67.3	👤👤👤👤

Rajah 7: Skor Domain Ekonomi Anggota Berdasarkan Lokaliti



Analisis Skor Domain Ekonomi Anggota Berdasarkan Tempoh Menjadi Anggota


Analisis skor domain ekonomi berdasarkan tempoh menjadi anggota selama 16-20 tahun dan melebihi 20

tahun mencatatkan nilai skor masing-masing sebanyak 70.0 dan 72.0 iaitu berada ditahap MEMUASKAN. Dapatan ini menunjukkan bahawa semakin lama seseorang itu menjadi anggota koperasi, semakin tinggi manfaat ekonomi yang diperoleh daripada keanggotaan mereka.

Jadual 9: Skor Domain Ekonomi Anggota Berdasarkan Tempoh Menjadi Anggota

TEMPOH MENJADI ANGGOTA		INDIKATOR		
		DOMAIN Ekonomi Anggota	Faedah Kewangan	Pengurusan Ekonomi
2-5 Tahun	Skor	66.0	68.0	64.0
	Tahap	👤👤👤👤	👤👤👤👤	👤👤👤👤
6-10 Tahun	Skor	66.0	68.0	64.0
	Tahap	👤👤👤👤	👤👤👤👤	👤👤👤👤
11-15 Tahun	Skor	64.0	68.0	60.0
	Tahap	👤👤👤👤	👤👤👤👤	👤👤👤👤
16-20 Tahun	Skor	70.0	76.0	64.0
	Tahap	👤👤👤👤👤	👤👤👤👤👤	👤👤👤👤
> 20 Tahun	Skor	72.0	76.0	68.0
	Tahap	👤👤👤👤👤	👤👤👤👤👤	👤👤👤👤

Rajah 8: Skor Domain Ekonomi Anggota Berdasarkan Tempoh Menjadi Anggota



